

Gadis ada pakej takut bercinta

Pengalaman sering dipermainkan membuatkan diri serik

Soalan

SAYA gadis berusia 23 tahun dan bekerja di sebuah institusi pengajian tinggi swasta (IPTS). Saya pernah melalui zaman keindahan di alam percintaan, tetapi tidak berkekalan.

Entah kenapa saya rasa kecewa dengan percintaan. Ramai kawan-kawan menganggap saya mempunyai pakej yang cukup untuk mengejar cinta.

Tetapi pada saya itu semua hanya 'bonus' yang Allah aru-herahkan.

Saya berasa takut untuk jatuh cinta kerana sering dikecewa dan dipermainkan. Namun apabila perasaan itu datang semula saya menafikannya seolah-olah menyeksa diri dan perasaan daripada menerima cinta kembali.

Adakah saya sudah hilang perasaan itu untuk selamanya atau datang apabila saya sudah menemui cinta sebenar?

Saya berasa takut sangat untuk bercinta semula. Tetapi pada pandangan mata orang, saya hidup dalam kegembiraan dan tersenyum riang.

Hakikatnya senyuman saya hanya palsu untuk menyembunyikan perasaan sedih itu.

Syukur kerana saya tidak melakukan sesuatu yang di luar kewarasan dan membuat keputusan melanjutkan pengajian ke peringkat sarjana di institut pengajian tinggi awam (IPTA). Bantulah saya untuk membina semula semangat kerana benar-benar rasa terasing dengan diri dan perasaan sendiri.

KECEWA
Selangor

Jawapan

DR memahami perasaan takut adik untuk jatuh cinta lagi. Adik dilukai dan sering rasa kecewa serta dipermainkan cinta yang terselit pendustaan.

Ibarat kehidupan yang bercampur gaul dengan penghinaan. Cinta kurniaan lahi mengapa mesti dibenci? Apa yang harus dibenci serta dihindari adalah kepalsuan cinta. Itu adalah jawapan kepada adik sama ada hilang perasaan cinta untuk selamanya.

Adik boleh membina semula semangat dalam percintaan supaya diri dan perasaan tidak terpenjara serta terasing. Cerita sedih cinta adik adalah kenangan masa lalu. Kini adik perlu mencari satu dimensi

kehidupan baru. Membezakan antara masa sekarang dan masa lalu amat penting.

Keadaan itu dapat memberi adik peluang dan ruang untuk bergerak ke hadapan, tidak hidup dalam dunia semalam.

Orang yang bijaksana tidak sesekali duduk merapati kegagalan, tetapi dengan lapang hati mencari jalan untuk memulihkan kembali kerugian dialami.

Maafkan individu yang pernah menghancurkan hati adik. Ia boleh membuatkan adik bangkit semula daripada kekecewaan. Mulakan kehidupan dengan harapan dan usaha adik bertemu lelaki berhati mulia.

Belajar untuk membuka diri dan runtuhkan dinding, ketakutan bercinta. Pera-

saan takut disebabkan adik membina dinding untuk jatuh cinta lagi.

Manusia merasa kesepian dari cinta kerana mereka hanya membangunkan dinding bukannya jambatan kasih sayang. Bercinta adalah satu risiko. Ambil risiko dan jangan takut untuk jatuh cinta lagi. Ambillah waktu untuk mencintai dan dicintai. Itu adalah keistimewaan kehidupan.

Apabila adik membina hubungan emosi dengan seseorang, berterusan membuka hati dan berkongsi pendapat serta perasaan.

Lebih baik jika adik dan siapa pun insan bertuah itu dapat berkongsi cerita berkaitan matlamat, nilai diri serta keutamaan dalam kehidupan. Cuba elakkan persengketaan.

Bina kepercayaan kerana antara syarat utama dalam setiap perhubungan yang berjaya. Peluang untuk ditipu sememangnya ada, tetapi ia berkurangan jika adik mempercayai dan menghargai diri sendiri. Ini bermakna adik mempercayai diri untuk membuat penghakiman terbaik.

Bersifat jujur dan optimistik dalam perhubungan. Dr percaya, dengan pakej adik selain daripada 'bonus', ia banyak membantu dalam mencari jejak ikhlas dalam perhubungan.

Bentuk keyakinan diri. Ketakutan adik untuk ditolak

dan keperluan diterima timbul kerana adik kekurangan keyakinan dan merasa rendah diri.

Percayalah bahawa adik adalah insan yang bernilai dan berhak untuk menyayangi serta disayangi.

Gantikan ungkapan dan pemikiran negatif dengan kenyataan positif diri. Bina imej mental diri sebagai seorang yang berkeyakinan, bersifat asertif dan berdikari. Penting juga untuk bertingkah laku atas keyakinan diri ini.

Dr melihat kekuatan diri adik apabila tidak melakukan sesuatu yang di luar kewarasan dan membuat keputusan melanjutkan pengajian ke peringkat sarjana di IPTA. Imam Ghazali menjelaskan 'menuntut ilmu adalah takwa, menyampaikan ilmu adalah ibadah, mengulangi-ulang ilmu adalah zikir dan mencari ilmu adalah jihad.'

Seterusnya, adik ingin mengetahui sama ada perasaan cinta itu datang apabila adik sudah menemui cinta sebenar. Cinta itu apabila kamu bertemu dan membuat pilihan yang tepat. Apabila percintaan adik tidak berkekalan, mungkin Tuhan menginginkan adik bertemu dan bercinta dengan orang yang salah sebelum bertemu dengan orang yang tepat. Adik harus mengerti dan berterima kasih atas kurniaan itu.

Bekas lesbian sukar dapat jodoh

Soalan

DR cerita ini membabitkan maruah diri dan saya sangat menyesalinya.

Saya bekas mahasiswa di sebuah institusi pendidikan terkenal. Sebelum menjejakkan kaki di menara gading, saya membesar dalam lingkungan keluarga yang sangat mementingkan agama.

Malangnya sebaik saja menjejakkan kaki di universiti, saya terdedah pada kehidupan sosial di ibu kota dan akhirnya hidup dalam dunia lesbian dengan seorang rakan bernama F.

Sekarang saya sudah insaf dan mahu pulang ke pangkal jalan serta sangat menyesali apa yang sudah dilakukan. Saya dihimpit rasa berdosa selain takut dengan dosa silam.

Usia juga semakin menin-

gkat namun hingga kini saya masih belum menemui lelaki yang sesuai. Adakah ini balasan atas dosa saya? Ramai rakan-rakan sudah berumah tangga dan bahagia memiliki cahaya mata. Adakah masih ada harapan saya untuk memperoleh kebahagiaan itu?

MENYESAL
Sarawak

Jawapan

SESUNGGUHNYA antara kemurahan Allah adalah menerima taubat setiap hamba-Nya yang berdosa dan ingin kembali kepada-Nya.

Seperti firman yang bermaksud: "Dan Dialah yang menerima taubat dari hamba-Nya dan memaafkan kesalahan dan mengetahui apa yang kamu

kerjakan." (Asy Syuraa: 25)

Soal jodoh, rezeki, ajal dan maut adalah takdir Allah seperti dalam surah Al-Hadid ayat 22 yang bermaksud: "Dialah yang menciptakan tiap-tiap sesuatu lalu menentukan keadaan makhluk-makhluk itu dengan ketentuan takdir yang sempurna."

Jodoh manusia sudah ditentukan Tuhan. Apabila Tuhan menghalangi sesuatu daripada seseorang kerana kehendak-Nya, sudah tentu halangan itu adalah sesuatu yang terbaik, kerana Dia Maha Mengetahui.

Apabila Tuhan memutuskan sesuatu yang terbaik kepada makhluk-Nya, bermakna Dia sedang melimpahkan rahmat-Nya.

Sekiranya nanti, ada yang menyoal kenapa masih belum berumah tangga,



adik boleh memberi jawapan yang sesuai iaitu semua ini adalah rahmat Allah.

Dalam mencari jodoh, usaha itu perlu. Bukan setakat memohon dikurniakan jodoh kerana peranan doa

amat luas dan penting.

Di dalam surah Al-Baqarah, ayat 186, Allah berfirman bermaksud: "Aku perkenankan permohonan orang yang berdoa apabila ia berdoa kepada-Ku. Maka

hendaklah mereka menahuti seruan-Ku (dengan mematuhi perintah-Ku), dan hendaklah mereka beriman kepada-Ku supaya mereka menjadi baik serta betul."

Mengenai kebahagiaan, setiap orang berhak untuk bahagia. Ini kerana dalam setiap duka pasti terselit kebahagiaan supaya setiap insan boleh berasa gembira sepenuhnya. Bahagia adalah mereka yang merasakan indahnyanya berjuang dan terus merasakan indahnyanya hidup.

Bahagia juga ditentukan diri sendiri, bukan orang lain. Diri adik berhak menentukan kebahagiaan bukannya orang lain.

Semoga adik dipertemukan jodoh dengan lelaki beriman yang dapat bersama-sama adik melayari kehidupan penuh berkat.